

26 MAR 1996

ANGGOTA PARLIMEN LIPIS ANGKAT SUMPAH

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Anggota Parlimen Lipis Haji Amihamzah Ahmad hari ini mengangkat sumpah sebagai anggota Dewan Rakyat di hadapan Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Mohamed Zahir Ismail.

Amihamzah, 46, menang tanpa bertanding pada pilihan raya kecil Lipis pada 15 Jan lepas.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Abu Dahari Osman, pada 29 Dec 1995.

Mohamed Zahir dalam ucapan ringkasnya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Amihamzah dan berharap beliau dapat memberi sumbangan yang berguna kepada Dewan dan juga kepada negara.

Mohamed Zahir juga berkata, persidangan Dewan Rakyat akan ditambah tiga hari iaitu dari 14 Mei hingga 16 Mei.

Katanya, lanjutan ini bagi memberi peluang kepada semua anggota Dewan membahaskan Rancangan Malaysia Ketujuh yang akan dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad nanti. -- Bernama

NZ AHH